

Abai anjing: 17/5/2015 Pengusaha tadika didenda RM4,000

KUALA LUMPUR 19 Mei - Gara-gara mengabaikan dua ekor anjing jantan peliharaannya tiga bulan lalu, seorang pengusaha tadika didenda RM4,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret Ampang dekat sini hari ini.

Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh menjatuhkan hukuman itu terhadap Zarina Laura Abdullah, 53, selepas dia mengaku bersalah melakukan atau menyebabkan kesakitan dan kesengsaraan yang tidak munasabah terhadap dua ekor anjing jantan berwarna hitam baka Rottweiler dan campuran.

Wanita tersebut didakwa melakukan perbuatan tersebut di No. 27, Lorong 2C, Taman Sri Ukay, Ampang dekat sini kira-kira pukul 12.30 tengah hari, 16 Februari lalu.

Ketika pertuduhan dibacakan, tertuduh yang berbaju kemeja putih dan bertudung putih berada di luar kandang pesalah kerana merupakan orang kena saman (OKS).

Ibu tunggal tujuh anak itu didakwa mengikut Seksyen 44(1) (d) Akta Binatang (Pindaan) 2013 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 44 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya.

Mohamad Izwan turut memerintahkan Zarina Laura membayar segala kos rawatan anjing berkenaan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur, Hasiyah Musa yang mengendalikan pendakwaan memohon hukuman berat dikenakan terhadap wanita itu memandangkan kejadian tersebut berlaku di rumahnya.

"Pemilik bukannya sekadar memberi makanan dan minuman, sepatutnya OKS sebagai pemilik binatang tersebut perlu memastikan persekitaran, kesihatan, keselesaan dan bukannya mendatangkan kesakitan serta kecederaan terhadap haiwan itu," kata Hasiyah.

Bagaimanapun, Zarina Laura yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan atas alasan dia menjaga dua ekor anjing itu dengan baik dan memberi makanan serta minuman.

"Saya ada dapatkan doktor ketika Rocco (anjing baka Rottweiler) sakit dan saya tidak pernah ikatnya dan Quadro (anjing baka campuran) di kandang," kata wanita itu dengan tenang ketika rayuan.